

Kerajaan sahaja yang mampu kawal harga rumah

ISU perumahan antara perkara besar yang sering menghantui penduduk Lembah Klang kerana harganya terlalu tinggi dan melibatkan hampir separuh daripada komitmen pendapatan bulanan mereka.

Jika pendapatan isi keluarga lebih RM10,000 sebulan sudah tentu tiada masalah untuk membayar bayaran bulanan kepada bank yang mungkin antara RM1,000 ke RM2,000 bergantung jenis rumah yang dibeli dan tempoh pinjaman.

Namun hidup di kawasan bandar atau pinggir bandar, banyak komitmen yang perlu ditanggung. Pendapatan isi keluarga RM10,000 sebulan belum tentu menjanjikan hidup mewah.

Bagaimana pula dengan yang membawa pulang gaji bulanan di bawah RM5,000? Malah ramai juga yang bergaji di bawah RM3,000. Pastinya ia amat mencabar bagi mereka dalam menguruskan perbelanjaan harian.

Keperluan perumahan benar-benar mencengkam kehidupan mereka kerana sama ada menyewa atau membeli rumah di kawasan bandar atau pinggir bandar, ia melibatkan separuh daripada pendapatan bulanan mereka.

Dengan sewa sebuah rumah melebihi RM1,000 sebulan dan bayaran bank pun lebih kurang sama selain bayaran servis kediaman setiap bulan, berapa yang tinggal untuk mereka?

Kalau gaji rendah dan impikan rumah besar yang lebih selesa atau rumah teres berhampiran kawasan bandar, anda boleh lupakan hasrat itu.

Ini kerana ketika ini di Lembah Klang, hanya rumah mampu milik yang boleh dibeli mereka. Rumah pangsapuri dengan keluasan 800 kaki persegi yang bersebelahan pusat bandar yang dibina oleh agensi milik kerajaan pun sudah dijual pada harga RM300,000.

Satu lagi rumah mampu milik iaitu Rumah Selangorku yang dijayakan oleh kerajaan negeri juga menghampiri RM300,000.

Bagaimana pula dengan rumah sewa? Kadarnya juga terus meningkat. Bukan senang mahu mencari rumah sewa di bawah RM1,000 di kawasan berhampiran bandar.

Namun masih ramai yang terpaksa menyewa kerana tidak mampu membeli rumah sendiri kerana pendapatan rendah dan komitmen tinggi.

Rakyat bukan mahu rumah percuma disediakan untuk mereka dan amat memahami proses perbandaran menyebabkan sudah tidak ada lagi rumah kos rendah dijual pada harga RM25,000 atau RM42,000 di Lembah Klang.

Mereka terima alasan pihak berkenaan, pemaju akan mengalami kerugian jika membina rumah murah kerana segalanya kini sudah mahal termasuk tanah milik kerajaan. Konsep pembangunan bercampur juga sudah tidak popular lagi.

Bagi memenuhi keperluan perumahan rakyat itu, hanya kerajaan yang boleh melakukannya termasuk dengan membina lebih banyak rumah mampu milik yang dijual di bawah harga RM300,000.

Agensi seperti UDA, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mampu memainkan peranan itu kerana penubuhannya memang untuk pembangunan rakyat.

Mereka pernah melakukannya sebelum ini dengan melaksanakan pelbagai projek perumahan kos rendah yang telah memberi manfaat kepada ramai penduduk di Lembah Klang.